

# Syukur negara aman: Dr M

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia perlu sama-sama berusaha meneruskan kejayaan yang dinikmati negara sekarang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, semua pihak sepatutnya mensyukuri keadaan baik yang dinikmati di seluruh negara sehingga membolehkan rakyat pelbagai kaum di Malaysia merayakan hari kebesaran mereka dalam suasana aman dan meriah.

"Rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini amat bertuah kerana dapat bersilih ganti dan tidak putus-putus merayakan hari kebesaran mereka sepanjang tahun dalam suasana aman dan meriah.

"Ketika sesetengah negara menghadapi pelbagai masalah seperti peperangan, persengketaan kaum dan agama, tekanan ekonomi, kebuluran, wabak penyakit dan malapetaka alam, kita dapat menyambut hari kebesaran masing-masing dalam keadaan aman dan harmoni," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Hari Krismas bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian.

Dr Mahathir berkata, suasana perayaan menjadi semakin meriah lagi berikutan kemajuan ekonomi negara yang kesannya melimpah kepada semua lapisan masyarakat.

Sementara itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, turut mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakyat Malaysia yang beragama Kristian serta meminta rakyat mengeratkan hubungan persahabatan pada hari yang bermakna ini.

Beliau yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, berkata rakyat Malaysia harus mengambil peluang ini meningkatkan muhibah dan perpaduan bagi menjamin masa depan cerah untuk negara.

Beliau berkata Hari Krismas, seperti juga hari-hari perayaan lain seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina dan Deepavali, kini menjadi sebahagian daripada perayaan kebangsaan.

"Sambil kita berada dalam suasana perayaan, rakyat Malaysia harus bersyukur dengan kestabilan sosial dan politik yang dinikmati mereka," katanya.